




KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Pejabat Pendidikan Daerah Petaling Utama

Modul Pemacu

Pendidikan Moral KSSM Tingkatan 5

-Dilema Moral-



Oleh
Unit Sains Sosial Sektor Pembelajaran
PPD Petaling Utama
&
Jurulatih Utama Pendidikan Moral
Daerah Petaling Utama

JAWATANKUASA MODUL PEMACU PENDIDIKAN MORAL KSSM TINGKATAN 5 (DILEMA MORAL)

- Penasihat : **Noorin binti Zakaria**
Timbalan Pegawai Pendidikan Daerah Sektor Pembelajaran
- Pengerusi : **Badieah binti Mustakin**
SISC+ Sains Sosial
- Timbalan Pengerusi : **Rosliza binti Basar**
SISC+ Sains Sosial
- Setiausaha : **Tan Siew Ing**
Jurulatih Utama Pendidikan Moral PPD Petaling Utama
SMK Damansara Utama
- Pen. Setiausaha : **Karbagam a/p Krishnan**
Jurulatih Utama Pendidikan Moral PPD Petaling Utama
SMK Sri Permata

AHLI JAWATANKUASA

Siti Nor Fariza binti Mohamad Zaki

Jurulatih Utama Pendidikan Moral PPD Petaling Utama
SMJK Katholik

Hariz bin Abdul Razak

Jurulatih Utama Pendidikan Moral PPD Petaling Utama
SMK Taman SEA

Nur Suhaina binti Remly

Jurulatih Utama Pendidikan Moral PPD Petaling Utama
SMK Damansara Jaya

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Pejabat Pendidikan Daerah Petaling Utama

Ina Foo Lee Min

Jurulatih Utama Pendidikan Moral PPD Petaling Utama
SMK Seksyen 4 Kota Damansara

PANEL PENGGUBAL

UNIT	NAMA SEKOLAH
1	SMK BANDAR SRI DAMANSARA 1
2	SMK SEKSYEN 8 KOTA DAMANSARA
3	SMK (P) PEREMPUAN SRI AMAN
4	SMK LA SALLE
5	SMK SRI PERMATA
6	SMK KELANA JAYA
7	SMK SULTAN ABDUL SAMAD
8	SMK TAMAN DATO' HARUN
9	SMK TROPICANA
10	SMK (L) BUKIT BINTANG
11	SMK BANDAR UTAMA DAMANSARA 2
12	SMK TAMAN SEA

ISI KANDUNGAN

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1	Unit 1 : Norma Masyarakat Global Membentuk Keharmonian Sejahtera	5-7
2	Unit 2 : Ukir Nama di Mata Dunia, Jati Diri Berpisah Tiada	8-10
3	Unit 3 : Kerohanian Membentuk Individu Bermoral	11-16
4	Unit 4 : Penggunaan Sumber dan Penyebaran Maklumat Demi Kesejahteraan Sejahtera	17-20
5	Unit 5 : Integriti Pemacu Kecemerlangan Organisasi	21-24
6	Unit 6 : Pembangunan Negara Bertunjangkan Integriti	25-27
7	Unit 7 : Berperikemanusiaan Pemangkin Kesejahteraan Global	28-33
8	Unit 8 : Penglibatan Diri Peneraju Komuniti	34-36
9	Unit 9 : Kerjasama Masyarakat Global	37-41
10	Unit 10 : Pengurusan Kewangan Secara Beretika Menjamin Keharmonian Hidup	42-45
11	Unit 11 : Malaysia Unggul Di Mata Dunia	46-47
12	Unit 12 : Malaysia dalam Hubungan Antarabangsa	48-51



BIDANG 5 (INSAN BERMORAL)

-UNIT 1- (NORMA MASYARAKAT GLOBAL MEMBENTUK KEHARMONIAN SEJAGAT)

Disampaikan oleh:
SMK BANDAR SRI DAMANSARA 1

DILEMA MORAL

Jiran anda yang berasal dari luar negara mengundang anda sekeluarga menghadiri majlis makan malam yang diadakan di rumahnya. Ibu anda tidak membenarkan anda menghidirinya kerana berasa kurang selesa dengan perbezaan budaya. Anda pula telah bersetuju untuk menghadiri majlis tersebut. Bagaimanakah anda menggunakan domain dimensi moral dalam menyelesaikan dilema ini? Justifikasikan jawapan anda.

(Buku Teks Tingkatan 5 muka surat 10)

SAYA BERASA GEMBIRA APABILA DIJEMPUT KE MAJLIS YANG AKAN DIADAKAN OLEH JIRAN SAYA. SAYA PERLU MENGAMALKAN NILAI HORMAT, NILAI BERTANGGUNGJAWAB, NILAI KERJASAMA, NILAI TOLERANSI DAN NILAI RASIONAL. SAYA AKAN MEMBERITAHU KEPENTINGAN MENGHADIRI MAJLIS TERSEBUT KEPADA IBU SAYA SECARA BAIK. HAL INI KERANA SAYA TELAH BERSETUJU UNTUK MENGHADIRI MAJLIS MAKAN MALAM JIRAN SAYA UNTUK MENGHORMATI JEMPUTAN MEREKA. TINDAKAN SAYA INI MENUNJUKKAN NORMA HIDUP BERJIRAN DALAM KALANGAN PELBAGAI KAUM DI MALAYSIA. SELAIN ITU, APABILA SAYA MENGHADIRI MAJLIS MAKAN MALAM TERSEBUT SAYA DAPAT MEMPELAJARI BUDAYA DAN CARA HIDUP JIRAN SAYA. HAL INI MENAMBAHKAN PENGETAHUAN SAYA TENTANG CARA HIDUP JIRAN SAYA DENGAN LEBIH MENDALAM. PERKARA INI JUGA DAPAT MENGELAKKAN PERSELISIHAN FAHAM DARI SEGI BUDAYA ANTARA SAYA DENGAN JIRAN SAYA. BUKAN ITU SAHAJA DENGAN MENERIMA JEMPUTAN DARIPADA JIRAN, SAYA JUGA DAPAT MENGUKUHKAN SEMANGAT KEJIRANAN ANTARA SAYA DENGAN JIRAN SAYA. HAL INI DAPAT MENGUKUHKAN HUBUNGAN SILATURAHIM SEKALI GUS DAPAT MEMUPUK PERPADUAN YANG UTUH DENGAN JIRAN SAYA. SETERUSNYA, SAYA JUGA AKAN MEMILIH MAKANAN ATAU JUADAH YANG BOLEH SAYA NIKMATI TANPA PERASAAN WASWAS. HAL INI SUPAYA JIRAN SAYA BERASA SELESA DAN TIDAK BERASA BERSALAH. HAL INI MEMBOLEHKAN JIRAN SAYA JUGA MEMPELAJARI AMALAN DAN PANTANG LARANG YANG DIAMALKAN DALAM KELUARGA SAYA. PERKARA INI JUGA MEWUJUDKAN KEHARMONIAN HIDUP ANTARA SAYA DENGAN JIRAN SAYA.



BIDANG 5 (INSAN BERMORAL)

-UNIT 2-

(UKIR NAMA DI MATA DUNIA,
JATI DIRI BERPISAH TIADA)

Disampaikan oleh:
SMK SEKSYEN 8 KOTA DAMANSARA

SOALAN ESEI BAHAGIAN C

1. Gambar di bawah menunjukkan persembahan muzik antarabangsa dan tarian tempatan.



Muzik merupakan keunikan seni yang timbul daripada perasaan atau fikiran manusia sebagai ungkapan ekspresi diri dan menjadi hiburan kepada manusia. Keunikan budaya negara sendiri harus dikekalkan walaupun keunikan budaya global menular dalam kehidupan generasi kini.

Huraikan **alasan** anda berdasarkan nilai universal selain daripada **nilai bertanggungjawab**.

[10 Markah]

Sumber: Buku teks m/s 29

JAWAPAN

Nilai yang patut generasi kini amalkan nilai patriotisme, nilai hemah tinggi, nilai rasional dan nilai hormat.

Generasi kini harus mengekalkan keunikan budaya sendiri walaupun keunikan budaya global semakin menular kerana identiti diri dapat dikekalkan. Oleh itu, identiti negara dapat dikekalkan. Contohnya generasi kini dan generasi baharu mampu mengekalkan keunikan budaya dan identiti lokal negara.

Selain itu, generasi baharu akan lebih mengenali budaya, etnik dan kaum masing-masing. Hal ini demikian kerana keunikan budaya tempatan tidak ditelan zaman. Maka generasi ke generasi dapat mempelajari keunikan budaya masyarakat Malaysia.

Seterusnya, keunikan seni dan budaya global ini dapat melahirkan generasi yang kreatif dan inovatif dalam menghasilkan sesuatu muzik atau tarian. Generasi tidak mudah terpengaruh dengan budaya luar seterusnya menjejaskan pembangunan negara.

Generasi kini juga perlu mengekalkan jati diri serta menyesuaikan diri dengan budaya sendiri dan budaya asing tanpa mengabaikan nilai moral. Secara tidak langsung generasi kini dapat meningkatkan imej negara di persada dunia. Sebagai contoh generasi kini mempertahankan kesenian, makanan dan pakaian kepada masyarakat di luar negara.

Akhir sekali generasi kini dapat menarik minat pelancong luar yang datang ke negara. Rakyat Malaysia terdiri daripada pelbagai etnik dan budaya dan cara hidup. Keadaan ini secara tidak langsung menarik perhatian pelancong untuk mempelajari dan menghayati nilai global rakyat tempatan.



BIDANG 5 (INSAN BERMORAL)

-UNIT 3- (KEROHANIAN MEMBENTUK INDIVIDU BERMORAL)

Disampaikan oleh:
SMK (P) SRI AMAN

SOALAN DILEMA MORAL TINGKATAN 5
UNIT 3: KEROHANIAN MEMBENTUK INDIVIDU BERMORAL
(muka surat 39)

Yenty Onovai merupakan anak tunggal seorang jutawan terkenal di dunia. Bapanya ingin mewariskan perniagaan kepadanya. Walau bagaimanapun, Yenty Onovai telah memberitahu hasratnya untuk melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti kerohanian. Hasrat Yenty Onovai ditentang oleh bapanya. Sekiranya anda Yenty Onovai, apakah pilihan anda? Berikan justifikasi anda.

(10 markah)

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Pejabat Pendidikan Daerah Petaling Utama

SKEMA 1

NILAI

1. Nilai Kasih Sayang
2. Nilai Baik Hati
3. Nilai Rasional
4. Nilai Bertanggungjawab
5. Nilai Berdikari

TINDAKAN:

- A. Menjalankan Aktiviti Kerohanian


ALASAN:

H1 - Sekiranya saya Yenty Onovai, saya akan bergiat secara aktif dalam menjalankan aktiviti kerohanian kerana minat yang mendalam.

H2 - Hal ini kerana saya mempunyai perasaan cinta yang mendalam terhadap ilmu keagamaan.

H3 - Saya dapat membentuk diri menjadi insan yang berkeperibadian mulia dalam kehidupan harian.

H4 - Saya akan mendapat ketenangan jiwa apabila melibatkan diri dalam aktiviti keagamaan dan kerohanian

- 
- H5 – Saya juga ingin meluahkan rasa syukur dengan kehidupan seharian yang saya nikmati.
- H6 - Hal ini menjadikan saya sebagai insan yang lebih menghargai segala pemberian Tuhan.
- H7 - Ini mendorong saya melakukan kebaikan untuk mendapat ganjaran pahala dari Tuhan.
- H8 – Saya dapat memupuk sikap suka membantu terhadap masyarakat yang kurang berkemampuan dalam diri
- H9 – Dapat melahirkan perasaan empati dan simpati terhadap golongan yang memerlukan bantuan
- H10- Dapat mengurangkan dan meringankan kesusahan dan beban golongan yang kurang berkemampuan

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
(terima mana-mana jawapan yang munasabah)
Pejabat Pendidikan Daerah Petaling Utama

SKEMA 2

NILAI


1. Nilai Hormat
2. Nilai Bertanggungjawab
3. Nilai Rasional
4. Nilai Harga Diri
5. Nilai Kasih Sayang

TINDAKAN:

B. Meneruskan perniagaan bapa

ALASAN:

- H1 - Sekiranya saya Yenty Onovai, saya akan meneruskan perniagaan bapa kerana mengikut kemahuan dan permintaan bapa.
- H2 – Merupakan waris tunggal yang ada untuk meneruskan perniagaan bapa dan legasi keluarga.
- H3 – Saya dapat membuatkan bapa berasa gembira dengan keputusan yang diambil
- H4 - Menjaga dan mengeratkan hubungan dengan bapa serta ahli keluarga.
- H5 – Membolehkan keluarga menjadi lebih harmoni dan bahagia

- 
- H6 - Saya dapat membantu mencapai keuntungan dalam perniagaan bapa.
- H7 – Selain itu saya dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran untuk menguruskan perniagaan.
- H8 – Saya juga akan dapat mengembangkan perniagaan bapa dengan membuka cawangan baru.
- H9 – Keluarga adalah segala-galanya dan lebih penting berbanding dengan urusan lain.
- H10 – Mengelakkan perselisihan faham antara bapa dan anak
- H11 – Mewujudkan rasa kebersamaan antara ahli keluarga dalam aktiviti ekonomi keluarga

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Pejabat Pendidikan Daerah Petaling Utama


(terima mana-mana jawapan yang munasabah)



**BIDANG 5
(INSAN BERMORAL)**

-UNIT 4-

**(PENGUNAAN SUMBER DAN
PENYEBARAN MAKLUMAT
DEMI KESEJAHTERAAN
SEJAGAT)**



Disampaikan oleh:
SMK LA SALLE

Dilema Moral???

👁️ Sejauh manakah anda menggunakan penaakulan moral apabila menerima sesuatu berita yang ditularkan

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Pejabat Pendidikan Daerah Petaling Utama

Soalan ??



- I. Berdasarkan nilai universal yang dipelajari, apakah tindakan yang wajar anda lakukan sekiranya mendapat mesej di atas? Justifikasikan jawapan anda itu. (10 markah)

Nilai rasional (N1) nilai bertanggungjawab (N2) nilai keberanian (N3) dan nilai kesederhanaan (MxN)

Tindakan yang wajar saya lakukan apabila mendapat mesej berkenaan ialah tidak akan terburu-buru dalam membuat sebarang keputusan dengan menyiasat mesej tersebut (TI) Saya akan meneliti untuk memastikan kesahihan mesej tersebut. (HI) Saya akan membuat semakan nombor telefon berkenaan dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia untuk membuat pengesahan bahawa mesej berkenaan adalah benar ataupun palsu. (TI) Hal ini adalah bertujuan untuk memastikan bahawa diri saya tidak akan menjadi mangsa (HI) dan mengalami sebarang masalah siber pada masa depan. (HI)

Saya segera akan mendapatkan pandangan daripada ibu bapa tentang perkara ini. (TI) Hal ini adalah kerana mereka adalah golongan yang lebih arif tentang isu-isu penipuan dan ketidakesahan berkaitan siber. (HI)

Saya akan membuat laporan kepada pihak polis. (TI) Dengan membuat laporan kepada pihak polis akan memastikan pihak polis akan membuat tindakan susulan untuk membuat siasatan. (HI)



**BIDANG 6
(JATI DIRI MORAL)**



**-UNIT 5-
(INTEGRITI PEMACU
KECEMERLANGAN
ORGANISASI)**

Disampaikan oleh:
SMK SRI PERMATA

BAHAGIAN B

Situasi di bawah berkaitan dengan Encik Anson.

Encik Anson telah diberi kuasa oleh majikannya untuk memilih tender bagi syarikatnya. Encik Anson telah memilih tender saudaranya walaupun kualiti barang dan pengalaman pemaju tersebut kurang berbanding dengan tender lain. Hal ini demikian kerana Encik Anson ingin mendapat komisen yang ditawarkan oleh saudaranya itu.

Wajarkah tindakan Encik Anson memilih tender saudaranya? Apakah implikasi tindakan Encik Anson? (KBAT)

(10 markah)



SKEMA JAWAPAN

Kewajaran tindakan Encik Anson:

H1- Tidak wajar

Implikasi tindakan Encik Anson:

H1- menghasilkan kualiti projek yang kurang baik

H2- berlaku ketidakadilan bagi pemaju yang lebih layak

H3- menjatuhkan imej organisasi



- H4- Hilang keyakinan dan kepercayaan pelanggan terhadap organisasi
- H5- Mendatangkan kerugian kepada organisasi
- H6- hilang keyakinan pelabur terhadap organisasi
- H7- wujudnya budaya kerja yang tidak berintegriti dalam organisasi
- H8- Gejala negatif dalam organisasi meningkat

Nilai universal yang harus diamalkan oleh Encik Anson:

- N1- Nilai Bertanggungjawab
- N2- Nilai Kejujuran
- N3- Nilai Kerjasama
- N4- Nilai Kebebasan
- N5- Nilai Rasional



**BIDANG 6
(JATI DIRI MORAL)**



-UNIT 6-
**(PEMBANGUNAN NEGARA
BERTUNJANGKAN INTEGRITI)**

Disampaikan oleh:
SMK KELANA JAYA



UNIT 6 : Pembangunan Negara bertunjangkan integriti .

Soalan Esei - DILEMA Moral (Buku Teks Pendidikan Moral Ting 5 ,Muka surat 84)

Sebuah syarikat multinasional bercadang untuk membuka cawangan kilang di kawasan berdekatan dengan pantai. Pembukaan kilang ini memberikan peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat dan melonjakkan ekonomi negara. Namun begitu, pembinaan kilang ini akan menjejaskan alam sekitar. Sebagai pegawai yang bertanggungjawab, adakah anda akan meluluskan tender pembukaan kilang tersebut? Justifikasikan jawapan anda .

ESEI	H1 Sebagai seorang pegawai yang prihatin terhadap alam sekitar , saya tidak akan meluluskan tender pembukaan kilang tersebut. (PENDIRIAN)	1
	H2 Adalah menjadi kewajipan saya untuk menjalankan tugas sebagai seorang pegawai dengan sempurna .	1
	H3 Saya akan memikirkan kesan-kesan jangka panjang kepada kawasan pantai ini .	1
	H4 Ini adalah kerana saya menghargai alam sekitar .	1
	H5 Saya juga ingin menghalang kepupusan sumber laut .	1
	H6 Sumber laut boleh menjadi mata pencarian masyarakat pesisir pantai .	1
	H7 Saya akan memberi beberapa cadangan alternatif kepada syarikat tersebut	1
	H8 Mereka harus mencari tapak kawasan kilang yang alternatif .	1
	H9 Saya akan bersiap-sedia dengan penjelasan mengenai kesan pembuangan sisa kilang kepada syarikat tersebut dan kepada masyarakat pesisir pantai jika projek ini diluluskan	1
	H10 Masyarakat pesisir pantai harus diberi latihan eko-pelancongan secara teliti untuk mencari mata sepercarian	1
	H11 Saya tidak akan memberi pengecualian kepada syarikat ini dan akan menjalankan penguatkuasaan undang-undang dengan telus .	1

Jumlah

10

markah



**BIDANG 6
(JATI DIRI MORAL)**



-UNIT 7-
**(BERPERIKEMANUSIAAN
PEMANGKIN KESEJAHTERAAN
GLOBAL)**



Disampaikan oleh:
SMK SULTAN ABDUL SAMAD

BAHAGIAN B

Baca petikan dibawah.


Anda seorang pegawai perubatan yang terlibat dalam misi kemanusiaan di luar negara. Semasa menjalankan tugas anda, anda mendapat berita bahawa keluarga anda terlibat dalam kemalangan di tanah air. Apakah tindakan yang patut anda lakukan. Justifikasikan tindakan anda.

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Pejabat Pendidikan Daerah Petaling Utama

Sumber : Buku Teks Pendidikan Moral Tingkatan 5

Bab 7 : Berperikemanusiaan Pemangkin Kesejahteraan Global

M/s : 96



SKEMA JAWAPAN 1

Tindakan : Meneruskan misi kemanusiaan – 1M

NILAI:

- Nilai Bertanggungjawab
- Nilai Rasional
- Nilai Baik hati
- Nilai Toleransi
- Nilai Kasih Sayang

Max Nilai: 3m


Justifikasi:


H1 Merupakan tanggungjawab yang diamanahkan kepada petugas misi kemanusiaan iaitu sebagai pegawai perubatan.


H2 Mangsa yang terkorban lebih memerlukan bantuan dan rawatan

H3 Sifat yang wajar dilakukan untuk membantu dan mengamalkan sikap bantu membantu mangsa bencana.

H4 Mangsa yang terlibat lebih memerlukan pembelaan dan jagaan seorang pegawai perubatan yang benar-benar mahir.



- 
- H5** Mengetepikan soal peribadi dalam urusan pekerjaan
- H6** Mengalag tugas besar untuk melindungi hak asasi manusia bagi mangsa terlibat
- H7** Menunjukkan sikap kepedulian terhadap isu-isu kemanusiaan
- H8** Mengekalkan sikap tidak pentingkan diri sendiri dan terlalu mengikut emosi
- H9** Tanda sayang dan prihatin terhadap sesama manusia dalam isu sejagat
- H10** Mewujudkan sifat kebersamaan dalam membantu mangsa yang memerlukan



SKEMA JAWAPAN 2

Tindakan : Pulang ke Tanah Air– 1M

NILAI:

- Nilai Bertanggungjawab
- Nilai Rasional
- Nilai Toleransi
- Nilai Kasih Sayang

Max Nilai: 3m


Justifikasi:

H1 Keluarga adalah segala-galanya dalam kehidupan dan lebih penting berbanding urusan lain


H2 Membantu menjaga ahli keluarga yang kemalangan merupakan salah satu tanggungjawab sebagai ahli keluarga

H3 Perasaan sayang akan ikatan kuat dalam institusi kekeluargaan

H4 Ahli keluarga yang mengalami kecelakaan sebenarnya memerlukan sokongan kuat dalam kalangan ahli keluarga untuk berada di sisi



- H5** Memberikan perubatan dan pertolongan sewajarnya apabila bersama-sama keluarga nanti
- H6** Mengukuhkan hubungan kekeluargaan semasa menghadapi masalah
- H7** Mewujudkan rasa kebersamaan dalam kalangan ahli anggota keluarga
- H8** Boleh menyebabkan berlakunya perselisihan faham dalam keluarga kerana tidak bersama menjaga anggota keluarga yang sakit
- H9** Hubungan kekeluargaan akan menjadi keruh
- H10** Pepecahan dalam anggota keluarga akibat sikap tidak ambil peduli





**BIDANG 7
(MORAL DAN KENEGARAAN)**

-UNIT 8-
**(PENGLIBATAN DIRI
PENERAJU KOMUNITI)**

Disampaikan oleh:
SMK TAMAN DATO' HARUN

TINGKATAN 5

Unit 8 :PENGLIBATAN DIRI PENERAJU KOMUNITI M/SURAT:113

Anda merupakan sukarelawan sebuah pertubuhan di Malaysia. Negara jiran sedang dilanda wabak berbahaya. Anda terpilih untuk mengikuti misi bantuan kemanusiaan ke negara tersebut. Keluarga anda amat kluatir akan keselamatan diri anda. Apakah tindakan yang wajar anda lakukan? Justifikasikan tindakan anda. (10 MARKAH)

Tindakan

Saya akan memilih menyertai misi tersebut.

Nilai

Nilai Rasional, Nilai Bertanggungjawab, Nilai Kerjasama

Justifikasi

1. Saya harus memberikan penjelasan yang meyakinkan keluarga dengan mematuhi segala SOP yang telah ditetapkan supaya dapat menghindari dari dijangkiti agar mereka tidak bimbang keadaan saya disana nanti.
2. Saya haruslah menerangkan kepentingan menjadi sukarelawan kepada ahli keluarga demi melahirkan warganegara yang patriotik, prihatin dan bertanggungjawab terhadap masyarakat dan negara.
3. Saya perlu berfikir tentang keperluan masyarakat di negara tersebut demi memastikan keadaan wabak dapat dikawal
4. Saya harus mengetahui kewajipan saya sebagai rakyat Malaysia untuk memberi bantuan kepada mereka yang memerlukan.
5. Sebagai sukarelawan saya tidak boleh bersikap individualistik dengan memikirkan kesusahan ahli masyarakat lain.
6. Saya haruslah menjadi teladan kepada adik – beradik yang lain.
7. Saya perlu bersama membantu bagi mengurangkan beban negara luar dalam usaha menangani wabak yang berbahaya ini.
8. Saya patut melibatkan diri dalam usaha sukarelawan ini disamping dapat meningkatkan imej negara
9. Saya mestilah berusaha bersama meningkatkan dan berkongsi kepakaran /teknologi/hasil penyelidikan
10. Saya haruslah membantu memutuskan rantaian jangkitan

+



BIDANG 7 (MORAL DAN KENEGARAAN)



-UNIT 9- (KERJASAMA MASYARAKAT GLOBAL)

Disampaikan oleh:
SMK TROPICANA

SOALAN DILEMA MORAL

ESEI

BAHAGIAN B (UNIT 9)

SMK TROPICANA

DILEMA MORAL BUKU TEKS MORAL TINGKATAN 5 m/s 127

- Syarikat anda telah menjalinkan hubungan kerjasama dengan sebuah syarikat dari luar negara dalam bidang pengeluaran produk makanan. Jualan produk makanan tersebut sangat menguntungkan dan diterima dengan baik di negara anda. Syarikat tersebut juga telah memperkenalkan produk baharu untuk pasaran negara anda. Namun begitu, anda mendapati produk tersebut boleh memudaratkan kesihatan kanak-kanak. Anda khuatir untuk menolak produk yang baru diperkenalkan itu kerana akan menjejaskan hubungan kerjasama yang telah lama terjalin. Apakah tindakan yang patut anda ambil? Berikan alasan anda?

(10 markah)

Skema jawapan

- Tindakan yang saya ambil adalah menolak daripada menjadi ejen pengedaran/pemasaran bagi produk baharu tersebut.

- Alasan :

Saya perlu menjalankan perniagaan **secara jujur dan mempunyai berintegriti** supaya **pengguna sentiasa yakin untuk membeli produk yang bermutu tinggi yang dijual oleh syarikat saya.**

Penjualan produk yang boleh menjejaskan kesihatan kanak-kanak akan **menjejaskan reputasi syarikat/ imej syarikat akan terjejas.**

Menjual produk yang boleh menjejaskan kesihatan kanak-kanak adalah satu **perbuatan yang keji** yang boleh **menjejaskan pertumbuhan kanak-kanak** dan ianya juga **melanggar ajaran agama.**

Menjadi tanggungjawab sebagai ejen pemasaran yang untuk memastikan produk makanan yang dijual tersebut **mematuhi perundangan makanan** yang ditetapkan oleh kerajaan

- Syarikat saya mungkin akan **menanggung kerugian yang besar** sekiranya **didakwa oleh pengguna dan terpaksa membayar ganti rugi.**
-
- **Syarikat saya juga akan dipantau** oleh Kementerian Kesihatan yang sentiasa menjalankan aktiviti penguatkuasaan dan pemantauan ke atas isu-isu yang berhubung dengan keselamatan makanan bagi memastikan kesihatan orang ramai sentiasa terjamin.
-
- **Produk makanan** yang diedarkan oleh syarikat saya **akan disita/dirampas** oleh Kementerian Kesihatan jika didapati memudaratkan kesihatan kanak-kanak.
-
- Saya mungkin akan **menghadapi tindakan undang-undang seperti didenda atau dipenjara** sekiranya menjual produk makanan yang bolehkan menjejaskan kesihatan orang awam atau kanak-kanak.
- Contohnya mengikut seksyen 13, Akta Makanan 1983 memperuntuk mana-mana pihak yang terlibat mengimport, mengedar, menyimpan atau menjual makanan yang mengandungi bahan beracun, merosakkan atau memudaratkan kesihatan, boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak melebihi 10 tahun, atau kedua-duanya.

Nilai :

1. Nilai Bertanggungjawab
2. Nilai Rasional
3. Nilai Kasih sayang
4. Nilai Kejujuran
5. Nilai Harga diri



REJENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Pejabat Pendidikan Daerah Petaling Utama

BIDANG 7
(MORAL DAN KENEGARAAN)

-UNIT 10-

(PENGURUSAN PERBELANJAAN
SECARA BERETIKA
MENJAMIN KEHARMONIAN
HIDUP)

Disampaikan oleh:

SMK (L) BUKIT BINTANG

- DILEMA MORAL (SOALAN ESEI) -


Samy baru sahaja menghabiskan pengajiannya dalam bidang perniagaan. Dia bercita-cita tinggi untuk memulakan perniagaan. Samy bercadang untuk membuat pinjaman bank. Namun begitu, bank tidak meluluskan pinjamannya kerana dia tidak mempunyai sumber kewangan yang kukuh. Samy tetap ingin menjalankan perniagaannya. Apakah tindakan yang patut dilakukannya? Justifikasikan jawapan anda. (10 markah)

JAWAPAN SOALAN

- Nilai rasional
- Nilai bertanggungjawab
- Nilai berdikari
- Nilai keberanian
- ▶ meminjam wang dari syarikat kewangan yang berlesen
- ▶ meminjam wang daripada anggota keluarganya
- ▶ meminta ahli keluarganya untuk menjadi penjamin bagi meyakinkan pihak bank untuk meluluskan pinjamannya
- ▶ membuat pinjaman perniagaan daripada pihak kerajaan
- ▶ memohon bantuan perniagaan daripada Inisiatif Niaga untuk usahawan kecil dan sederhana
- ▶ membuat pajakan atau menjual aset peribadinya seperti rumah atau kenderaan untuk meyakinkan pihak bank
- ▶ memohon pinjaman dari TEKUN di bawah Program Khas Skim Pembangunan Masyarakat India (SPUMI)
- ▶ mendaftarkan syarikatnya di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) untuk memastikan Samy dapat menikmati kelebihan yang disediakan kepada peniaga di bawah SSM
- ▶ memulakan perniagaannya secara kecil-kecilan tanpa melibatkan modal yang tinggi
- ▶ memulakan perniagaan dengan menggunakan wang simpanan peribadinya sendiri

JAWAPAN LENGKAP SOALAN



Antara nilai yang diamalkan ialah nilai rasional, nilai bertanggungjawab, nilai berdikari dan nilai keberanian. Samy boleh tetap menjalankan perniagaannya iaitu Samy boleh meminjam wang dari syarikat kewangan yang berlesen dan memastikan membayar pinjaman mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan. Selain itu, Samy juga boleh meminjam wang daripada anggota keluarganya untuk dijadikan modal memulakan perniagaan. Seterusnya, Samy boleh meminta ahli keluarganya untuk menjadi penjamin bagi meyakinkan pihak bank untuk meluluskan pinjamannya. Samy juga boleh membuat pinjaman perniagaan daripada pihak kerajaan dan memastikan konsisten dalam pembayaran. Kemudian, Samy boleh memohon bantuan perniagaan daripada Inisiatif Niaga untuk usahawan kecil dan sederhana. Selain itu, Samy juga boleh membuat pajakan atau menjual aset peribadinya seperti rumah atau kenderaan untuk meyakinkan pihak bank. Samy boleh berusaha untuk memohon pinjaman dari TEKUN di bawah Program Khas Skim Pembangunan Masyarakat India (SPUMI). Seterusnya, Samy perlu mendaftarkan syarikatnya di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) untuk memastikan Samy dapat menikmati kelebihan yang disediakan kepada peniaga di bawah SSM contohnya bantuan modal dan dana perniagaan di samping mengembangkan perniagaannya nanti. Samy juga boleh memulakan perniagaannya secara kecil-kecilan tanpa melibatkan modal yang tinggi sekiranya mempunyai kekangan dari segi modal. Akhir sekali, Samy boleh memulakan perniagaan dengan menggunakan wang simpanan peribadinya sendiri.



BIDANG 7 (MORAL DAN KENEGARAAN)

-UNIT 11-

(MALAYSIA UNGGUL DI MATA DUNIA)



Disampaikan oleh:
SMK BANDAR UTAMA DAMANSARA 2

SOALAN ESEI

Kah Seong telah menempah kereta import idamannya. Selepas seminggu, syarikat kereta nasional mengeluarkan sebuah model kereta baharu yang mempunyai spesifikasi yang lebih baik dengan harga yang lebih rendah. Andaikan anda Kah Seong, yang manakah pilihan anda? Justifikasikan jawapan anda berdasarkan nilai-nilai universal yang anda pelajari. (10 markah) Buku Teks (m/s : 164)

CADANGAN JAWAPAN

Soalan	Butiran	Markah
1	Pilihan : kereta nasional/ kereta buatan tempatan	1
	N1 Bertanggungjawab	1
	N2 Rasional	1
	N3 Patriotisme	1
	N4 Kesederhanaan	1
	H1 Terdapat banyak insentif dari kerajaan (potongan cukai dan rebat harga)	1
	H2 Prestasi kereta buatan nasional yang mendapat anugerah dalam dan luar negara	1
	H3 Mudah mendapat alat ganti kenderaan pada harga yang rendah	1
	H4 Dapat menyokong barangan buatan Malaysia	1
	H5 Dapat menyemai semangat patriotisme dalam kalangan rakyat.	1
	H6 Memajukan sektor industri tempatan	1
	H7 Menjimatkan perbelanjaan keluarga	1
	H8 Kos penyelenggaraan kereta rendah	1
	H9 Pengaliran mata wang keluar negara dapat dikurangkan	1
	(Terima mana-mana jawapan munasabah)	

BIDANG 7
(MORAL DAN KENEGARAAN)

-UNIT 12-
(MALAYSIA DALAM
HUBUNGAN ANTARABANGSA)

Disampaikan oleh:
SMK TAMAN SEA

Malaysia kini Tumpuan Pelabur Asing

1. Malaysia menjadi tumpuan pelabur asing sebagai destinasi pelaburan strategik di tengah- tengah perdagangan antara Amerika Syarikat dan China. Katanya, lokasi Malaysia yang strategik di rantau Asia Tenggara juga menarik syarikat China untuk memilih negara ini sebagai destinasi pangkalan operasi mereka. Bidang yang paling banyak mendapat pertanyaan adalah dalam sektor perkilangan. Mereka juga berminat dalam sektor logistik

Berdasarkan situasi di atas, bincangkan kepentingan mengekalkan hubungan antara Malaysia dengan negara luar

Jawapan anda perlulah disokong dengan nilai universal yang dipelajari
[10 markah]

Contoh Jawapan

WATAK: Hubungan Malaysia dengan negara luar

Nilai- Nilai Universal

- ▶Nilai Kerjasama
- ▶Nilai Bertanggungjawab
- ▶Nilai Keberanian
- ▶Nilai Berterima kasih

(m/s 169)

Kebaikan/ Kepentingan

Bidang Sains dan Teknologi – memastikan kemajuan teknologi negara setanding dengan negara luar, melalui pertukaran teknologi

Aspek Keselamatan – membanteras jenayah antarabangsa bersama-sama

Bidang Pendidikan – meningkatkan kualiti Pendidikan bertaraf dunia, Program Pertukaran Pelajar, mempelbagai inovasi pendidikan

Aspek Ekonomi – meningkatkan pendapatan negara, membuka peluang pekerjaan

Politik – meningkatkan imej negara, memelihara kedaulatan negara

(m/s 173)



Sekian Terima Kasih

**SEMOGA SEMUA GURU PENDIDIKAN MORAL DAERAH PETALING
UTAMA DAPAT MEMANFAATKAN ILMU YANG DIPEROLEH UNTUK
DIGUNAKAN SEPENUHNYA DEMI KECEMERLANGAN SUBJEK
PENDIDIKAN MORAL SPM**

**SEMOGA ANAK-ANAK MURID SPM TAHUN 2021 BERJAYA DENGAN
CEMERLANG**